

Enam dekad UMNO

Oleh SAMSOR JUNET
(WARTAWAN UTUSAN)

UM - 11 / 5 / 2006

HARI ini genap 60 tahun kelahiran UMNO dan lebih manis ia kembali ke pangkuan rumah kelahirannya - Istana Besar Johor Bahru bagi tujuan sambutan ulang tahun secara rasmi.

Jika ia manusia, Istana Besar itu tentulah 'ibu' kepada anaknya orang UMNO yang kini lebih tiga juta orang.

Di sebalik gelora, istana putih itu tetap kelihatan indah, tenang dan damai malah 'ibu' UMNO itu, masih kental seperti dulu.

Persoalannya, setelah enam dekad, apakah yang orang UMNO telah lakukan?

Adakah orang UMNO benar-benar berjuang untuk kepentingan bangsa, negara dan agama?

Seorang rakan politik pernah berkata, "seronok jadi ketua bahagian ini sebab taraf-taraf ketua bahagian, targetnya hendak pakai helikopter."

Bahawa sebahagian daripada anggota UMNO selain melaksanakan tugas parti, mereka turut tenggelam dalam pesona kekayaan tidak diresitui ibu mereka sendiri.

Bayangkan sampai hari ini, orang Melayu masih gagal mencapai ekuiti 30 peratus dalam pembahagian kek Wawasan 2020.

Adakah orang UMNO masih hendak menjadi budak nakal yang lupa pesanan ibu supaya berbakti kepada bangsa, agama dan negara setulus hati?

Istana Besar Johor Bahru sebenarnya menangis dalam hati.

Patutkah sebagai anak, ahli-ahli UMNO membawa luka kepada ibu. Orang UMNO pernah melukakan hati ibunya sendiri disebabkan perpecahan 1987.

Kerana berkelahi, anak-anak UMNO terpaksa memberitahu ibu, 'saya sudah tukar nama- UMNO Baru'. Ah! Anak bertuah.

Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pernah melontarkan idea bahawa sudah sampai masanya untuk orang UMNO menjadi keluarga mereka keluarga UMNO.

Di sebalik lontaran idea itu, ia sebenarnya mencerminkan suatu tuntutan bahawa orang UMNO perlu kembali ke akar umbi yang asal.

Dari dulu sampai sekarang, tidak ada satu tamadun pun yang boleh bertahan jika roh dan semangatnya berlainan, dengan lain-lain perkaatan hilang jati diri.

Tokoh pemikir Iran, Dr. Ali Syariati dalam bukunya, *Tugas Cendekiawan Muslim* antara lain menyebut begini:

- Setiap bangsa yang gagal meletakkan dirinya di atas infrastruktur masyarakatnya sendiri, tidak jauh bezanya dengan sebuah buku popular yang disimpan di perpustakaan bagi bacaan umum.
- Sarjana, mahasiswa dan pembaca tertentu mungkin membaca buku tersebut atau ribuan naskhah daripada buku tersebut mungkin diterbitkan namun massa tetap sahaja tidak berubah.
- Akhirnya kaum intelek akan terasing daripada masyarakatnya dan ini menjadi bahaya kerana akhirnya masyarakat itu tetap tidak mampu untuk berubah.

Sekadar pertanyaan. Anak-anak UMNO sekarang bagaimana? Mungkin anda perlu menemui ibu kembali bagi mendapatkan nasihat dan pesan berguna.